

PENYELEWENGAN AKIDAH MELALUI NARATIF ISRILIIYYAT BERUNSURKAN KHURAFAT: SATU TINJAUAN

Oleh:

Muhammad Amrin Razikin bin Abdul Razak¹

Abstrak

Israiliyyat merupakan elemen yang berasal daripada tradisi Yahudi yang telah diserap masuk ke dalam lektur Islam, khususnya melalui kitab tafsir al-Quran. Sebahagian daripada cerita ini tidak memiliki asas yang sahih dalam ajaran Islam, bahkan ada yang mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan prinsip-prinsip akidah yang benar. Artikel ini membincangkan kesan negatif akidah seorang muslim jika mempercayai Israiliyyat yang terkandung dalamnya unsur khurafat. Khurafat merujuk kepada amalan atau kepercayaan yang tidak berlandaskan kepada ajaran Islam yang sahih, yang sering kali berakar umbi dalam mitos dan cerita yang tidak benar. Dalam kajian ini, akan diterangkan definisi kedua-dua istilah tersebut, diikuti dengan perbincangan tentang hubungan antara Israiliyyat dan khurafat. Artikel ini turut mengemukakan beberapa contoh khurafat yang terdapat dalam naratif Israiliyyat, serta menganalisis kepercayaan kepada khurafat itu boleh memberi impak negatif terhadap akidah seorang muslim. Metodologi kajian yang diaplikasikan penulis adalah kualitatif berbentuk kajian kepustakaan, dengan meneliti dan menganalisis sumber-sumber sekunder. Dapatan kajian ini mengingatkan umat Islam agar berhati-hati dalam

¹ Penolong Pengarah, Unit Akreditasi, Darul Quran JAKIM

*menerima cerita-cerita yang tidak jelas asal usulnya
demi menjaga kesucian akidah.*

Kata Kunci: *Akidah, Israiliyyat, Khurafat*

1.0 PENDAHULUAN

Riwayat Israiliyyat bukanlah sesuatu yang baru lagi dalam Pengajian Islam. Periwiyatan Israiliyyat telah berlaku di awal perkembangan Islam lagi. Sebahagian riwayat tersebut mengandungi kepercayaan khurafat yang mampu memberi kesan negatif terhadap akidah. Manakala isitilah khurafat pula telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Agama Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis sebagai perlembagaan utama menjadi panduan kepada umat Islam telah membawa ajaran akidah tauhid yang menangkis segala kepercayaan yang bertentangan dengannya. Oleh yang demikian, Islam telah menentang segala bentuk akidah yang salah, sesat, dan berlawanan dengan ajaran tauhid seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadis.

Walaupun Islam memerangi kepercayaan khurafat, namun kepercayaan tersebut terus wujud dan berkembang serta tersebar luas dalam kalangan masyarakat Islam sehingga ke hari ini. Bahkan unsur khurafat ini juga telah merebak ke dalam kitab-kitab tafsir. Justeru kajian ini menfokuskan riwayat Israiliyyat yang berunsurkan khurafat serta membincangkan mengenai kesan negatif khususnya terhadap akidah.

1.1 Definisi Israiliyyat

Israiliyyat adalah kalimah *jama'*. Kata tunggalnya adalah Israiliyyah yang bermakna cerita atau khabar yang diriwayatkan daripada bangsa Israil. Bangsa Israil pula merujuk kepada keturunan Nabi Ya'qub bin Ishak bin Ibrahim iaitu bapa kepada

Asbat (keturunan) dua belas orang adik-beradik dan bangsa Yahudi dari keturunan mereka ini digelar Bani Israil.²

Perkataan Bani Israil ini telah disebut beberapa kali dalam al-Quran. Antara ayat al-Quran yang menyatakan perihal Bani Israil adalah dalam surah al-Baqarah ayat ke-40:

﴿يَا بَنِي إِسْرَءِيلَ اذْكُرُوا نِعْمَتِيَ الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَوْفُوا بِعَهْدِي أُوفِ بِعَهْدِكُمْ وَإِيَّيَ فَارْهَبُونِ﴾

Surah al-Baqarah, 2:40

Maksudnya:

“Wahai Bani Israil! Kenangkanlah kamu akan segala nikmat yang telah Kuberikan kepada kamu, dan sempurnakanlah perjanjian (kamu) denganKu, supaya Aku sempurnakan perjanjianKu dengan kamu; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun takut, (bukan kepada sesuatu yang lain).”

Pada ayat ini Allah SWT menegaskan bahawa telah banyak nikmat Allah SWT limpahkan kepada Bani Israil. Antara nikmat yang telah mereka perolehi adalah mereka diselamatkan daripada penindasan Firaun dan sekutunya, para nabi dilantik daripada kalangan mereka, diturunkan kepada mereka *manna* dan *salwa*, dan sebagainya. Sebagai balasan, mereka dikehendaki untuk patuh perintah Allah SWT dan menepati perjanjian mereka denganNya. Allah SWT mengingatkan mereka bahawa kejayaan dan kesejahteraan mereka berdasarkan kepada ketaatan mereka terhadap janji tersebut.³

² Dr Muhammad Husyn al-Dhahabi (1996). *Kisah Israiliyyat Dalam Tafsir Dan Hadith*, Ahmad Fadhilah Sarnap (terj.), Johor Bahru: Jahabersa, 1996, hlm.19.

³ Prof. Dr Wahbah al-Zuhaili (2013), Abdul Hayyie al-Kattani (terj.), *Tafsir al-Munir*, Jakarta:Gema Insani, Jilid 1, hlm.114.

Israiliyyat ini sering dikaitkan dengan Yahudi kerana kebanyakan sumber dan maklumat yang diperolehi adalah daripada cendekiawan yang berbangsa Yahudi, sama ada yang masih berada pada agama asal mereka ataupun yang telah memeluk agama Islam.⁴

1.2 Definisi Khurafat

Jika dilihat dari sudut etimologi, perkataan khurafat ini berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu *kharafa-yakhrifu-kharfan-khurafatan*, yang mana padanan bahasa Inggerisnya adalah *superstition*, atau *supertitio* dalam bahasa latin yang membawa maksud sesuatu yang dipetik atau cerita dusta yang tidak logik.⁵ Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, khurafat diertikan sebagai ajaran, huraian atau pendapat yang bukan-bukan atau karut atau dongeng atau tahyul.⁶ Dari aspek terminologinya bererti lemah akal kerana ketuaan atau orang yang rosak akalnya sebab nyanyuk kerana terlalu tua.⁷

Dari sudut istilah, khurafat adalah cerita yang tidak mempunyai hakikat kebenarannya, dan perkara ini berlaku seperti dalam mimpi yang dihiasi dengan elemen-elemen ajaib dan tambahan yang tidak disokong dengan bukti yang tepat.⁸

Dr Ali Mahfuz menghuraikan definisi khurafat dengan menyatakan bahawa khurafat itu adalah sesuatu yang tidak

⁴ Ishak Hj. Sulaiman (1998), *Israi'liyyat dalam Pengajian Tafsir dan Sunnah*, Jurnal Usuluddin, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm.3.

⁵ Ibnu Manzur, *Lisan al- 'Arab*, (Beirut: 1907), Jil. 9.

⁶ Hajah Noresah bt Baharom (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 675.

⁷ Ibnu Manzur (1907), *op.cit*.

⁸ Che Zarrina Sha'ari (2002), "*Khurafat Antara Adat Dan Agama*" dalam *Majalah al-Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, bil.338, hlm.20.

diterima oleh akal yang sihat.⁹ Individu yang membawa hal-hal bersifat khurafat ini biasanya suka memutarbelitkan fakta, menyebarkan perkara yang bersifat dusta serta mempamerkan perkara yang batil.

1.3 Sejarah Kemunculan Khurafat

Istilah khurafat muncul sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Abi al-Kalbi menceritakan bahawa ada seorang lelaki daripada Bani ‘Uzrah telah ditangkap oleh jin, setelah itu dia pun dikembalikan kepada kaumnya. Dia pun menceritakan mengenai peristiwa ganjil dan menakjubkan yang pernah dia lihat semasa berada di alam jin. Apabila orang ramai mendengar kisah tersebut, mereka pun merasa takjub serta berkata bahawa kisah tersebut tidak masuk akal dan khurafat.

2.0 HUBUNG KAIT ISRAILIYYAT & KHURAFAT

Apabila kita meneliti riwayat-riwayat Israiliyyat ini, terdapat sebahagian kisah yang kelihatan janggal dan tidak masuk akal. Hal ini menyebabkan para cendekiawan Islam menggariskan beberapa kaedah untuk mengenali riwayat Israiliyyat dengan melihat kepada teksnya:

- 1) Terdapat unsur keterlampauan yang tidak masuk akal, seperti kisah seorang anak Nabi Adam AS memikul saudaranya yang dibunuh selama seratus tahun.
- 2) Mempunyai unsur yang pelik seperti menyatakan bahawa bilangan alam sebanyak lapan belas ribu atau empat belas ribu.

⁹ Dahlan, A. A. (1999), *Ensiklopedia Hukum Islam*, (Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Houeve, 1999).

Unsur-unsur inilah yang menjadikan khurafat itu selari dengan Israiliyyat kerana dalam khurafat itu adanya elemen melampau, tidak masuk akal dan tidak berasaskan sandaran yang kukuh. Sebagai contoh kepercayaan khurafat masyarakat Melayu adalah kenan. Kenan merupakan kesan daripada perbuatan membunuh atau menyeksa yang dilakukan oleh ibu atau bapa dalam tempoh kehamilan ibu yang mengandung. Perbuatan tersebut akan mengakibatkan anak yang dilahirkan kelak mengalami kecacatan yang sama seperti yang dialami oleh binatang yang dianiaya. Contohnya, apabila seorang suami membunuh seekor ular, dipercayai bayi yang bakal lahir akan mengalami masalah kulit bersisik seperti ular.¹⁰ Namun kepercayaan ini tidak ditemui dalam Islam dan hanya wujud dalam tradisi serta kepercayaan masyarakat Melayu. Justeru Islam menolak kepercayaan ini selain bertentang dengan konsep Islam menolak *tatayyur* (sial majal).¹¹

3.0 CONTOH KHURAFAT DALAM ISRAILIYYAT

Terdapat beberapa Israiliyyat terkandung dalamnya unsur khurafat. Antaranya ialah:

3.1 Kejadian Matahari dan Bulan

﴿وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ آيَاتٍ ۚ فَمَحَوْنَا آيَةَ اللَّيْلِ وَجَعَلْنَا آيَةَ
النَّهَارِ مُبْصِرَةً ۚ لِّيَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ
وَالْحِسَابَ ۚ وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَّلْنَاهُ تَفْصِيلًا ۝١٢﴾

Surah al-Isra, 17:12

¹⁰ Mohd Anuar Ramli, Syamsul Azizul Marinsah (2014), “Kepercayaan Kenan dalam Masyarakat Melayu: Kajian dari Perspektif Hukum Islam” dalam Jurnal Manusia dan Masyarakat, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2014, hlm.35.

¹¹ *Ibid*, hlm.44.

Maksudnya:

“Dan Kami jadikan malam dan siang itu dua tanda (yang membuktikan kekuasaan kami), maka Kami hapuskan tanda malam itu (sehingga menjadi gelap-gelita), dan Kami jadikan tanda siang itu terang-benderang supaya kamu mudah mencari rezeki dari limpah kurnia Tuhan kamu dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungan hisab (bulan dan hari) dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu (yang kamu perlukan untuk dunia dan agama kamu), Kami telah menerangkannya satu persatu (dalam Al-Quran) dengan sejelasmungkinnya.”

Terdapat riwayat yang disandarkan daripada Ibnu ‘Abbas RA dalam penafsiran ayat ini, bahawa beliau telah mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Allah SWT menjadikan dunia antara barat dan timur. Manakala kepada bulan, Dia menjadikannya seperti matahari mempunyai sinaran tetapi manusia melihatnya kecil kerana ia sangat tinggi.

Sekiranya Allah SWT membiarkan kedua-dua (matahari dan bulan) seperti kejadian asalnya maka tidak akan dapat diketahui antara malam dan siang, dan tidak juga antara siang dan malam, orang yang bekerja tidak akan ada masa untuk berehat dan orang yang berpuasa tidak akan tahu waktu berbuka puasa.” Kemudian baginda bersabda: “Maka Allah SWT mengutuskan Jibril AS lalu dia mengibaskan sayapnya pada bulan tiga kali, pada ketika itu sebagai matahari lalu memadamkan sinaran dan yang tinggal hanya cahaya. Maka itulah maksud firman Allah SWT

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ ءَايَاتٍ ۚ Hitam yang kalian dapat lihat di bulan adalah kesan pemadaman itu.¹²

Riwayat ini merupakan riwayat yang batil disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW, meskipun diriwayatkan oleh Ibnu Abi Hatim dan Ibnu Mardawaih. Ibnu Jauzi telah menghukum riwayat ini sebagai palsu dan rekaan.¹³ Terdapat perawi yang terkenal sebagai pereka hadis palsu dalam sanad hadis ini iaitu Nuh bin Abi Maryam.

Tafsiran sebenar bagi ayat ini adalah seperti yang dinukilkan oleh Ibnu Katsir dalam kitab tafsirnya:

يَمْتَن تَعَالَى عَلَى خَلْقِهِ بِآيَاتِهِ الْعِظَامَ ، فَمِنْهَا مَخَالَفَتُهُ بَيْنَ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ ، لِيَسْكُنُوا فِي اللَّيْلِ وَيَنْتَشِرُوا فِي النَّهَارِ لِلْمَعَاشِ وَالصَّنَاعَاتِ وَالْأَعْمَالِ وَالْأَسْفَارِ ، وَلِيَعْلَمُوا عِدْدَ الْأَيَّامِ وَالْجُمُعِ وَالشُّهُورِ وَالْأَعْوَامِ ، وَيَعْرِفُوا مَضِيَّ الْأَجَالِ الْمَضْرُوبَةِ لِلدِّيُونِ وَالْعِبَادَاتِ وَالْمَعَامَلَاتِ وَالْإِجَارَاتِ وَغَيْرِ ذَلِكَ ؛ وَلِهَذَا قَالَ :
(لَتَتَبَغُوا فُضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ) أَيِ : فِي مَعَاشِكُمْ وَأَسْفَارِكُمْ وَنَحْوِ ذَلِكَ (وَلَتَعْلَمُوا عِدْدَ السَّنِينَ وَالْحِسَابِ) فَإِنَّهُ لَوْ كَانَ الزَّمَانُ كُلَّهُ نَسَقًا وَاحِدًا وَأَسْلُوبًا مَتَسَاوِيًا ؛ لَمَا عَرَفَ شَيْءٌ مِنْ ذَلِكَ.¹⁴

¹² Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah (2010), *al-Israiliyyat wa al-Maudhu'at fi Kutub al-Tafsir*, Kaherah, Mesir: Maktabah al-Sunnah, hlm. 290.

¹³ 'Abdurrahman bin Abi Bakr al-Suyuti (1996), *al-Laali' al-Masru'at fi al-Ahadith al-Mauudhu'at*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jilid 1, hlm 24.

Maksudnya:

“Allah telah memberikan pelbagai tanda kekuasaanNya yang agung kepada makhlukNya. Antaranya, dijadikanNya siang dan malam berbeza, agar mereka merasa tenteram pada malam hari dan bertebaran pada siang hari untuk menjalani kehidupan, bekerja dan bermusafir. Selain itu, agar mereka mengetahui jumlah hari, bulan dan tahun dan mengetahui had masa hutang, juga waktu ibadah, mu’amalah dan lain-lain. Oleh itu, Allah berfirman: لتبتغوا

فضلا من ربكم (Supaya kamu mencari limpah kurnia Tuhan kamu) bermaksud dalam kehidupan, perjalanan dan sebagainya. ولتعلموا

(dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun-tahun dan hitungan hisab). Seandainya zaman itu secara keseluruhan merupakan pola yang sama, maka tidak akan diketahui sesuatu pun darinya.”

Dari sudut kajian saintifik pula, perubahan siang dan malam adalah disebabkan bumi yang bergerak di atas paksinya dari barat ke timur mengelilingi matahari sebagai pusat bagi sistem suria. Terbit matahari dari arah Timur ke Barat setiap hari berpunca

¹⁴ Ibnu Katsir (1997), *Tafsir al-Quran al-‘Azim*, Riyadh: Dar al-Toyyibah, 1997, jilid 5, hlm. 49.

daripada putaran bumi di atas paksinya dari arah Barat ke Timur.¹⁵ Oleh itu, negara yang berada di zon timur akan mengalami waktu pagi terlebih dahulu berbanding negara yang berada di zon barat.

Terdapat juga beberapa ayat al-Quran yang menjelaskan berlakunya fenomena siang dan malam ini adalah disebabkan peredaran matahari dan bulan:

﴿وَسَخَّرَ لَكُمُ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبَيْنِ وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ ۝۳۳﴾

Surah Ibrahim, 14:33

Maksudnya:

“Dan Dia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu.”

﴿وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ۝۳۳﴾

Surah al-Anbiya, 21:33

Maksudnya:

“Dan Dialah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan; tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas).”

¹⁵ A Frost (1992), Prinsip dan Amalan Ilmu Pelayaran. Wan Ahmad Wan Omar & Zainal Ashirin Shahardin (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.224.

Hal ini sekali gus menolak tafsiran bahawa malaikat merupakan punca matahari bertukar menjadi bulan apabila hilang sinarannya kesan daripada kibasan sayap malaikat Jibril.

3.2 Guruh dan Kilat

﴿وَيُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِ وَيُرْسِلُ
الصَّوَاعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَنْ يَشَاءُ وَهُمْ يُجَادِلُونَ فِي اللَّهِ وَهُوَ
شَدِيدُ الْمِحَالِ ۝۱۳﴾

Surah al-Ra'd,13:13

Maksudnya:

“Dan Dialah juga yang guruh dan malaikat bertasbih memujiNya, kerana takut kepadaNya. Dan Dialah juga yang menghantarkan petir, lalu Dia mengenakan dengan panahannya kepada sesiapa yang dikehendakinya Dan mereka yang ingkar itu membantah (serta mendustakan Rasul) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah (dan kuat kuasaNya), padahal Dia amat keras azab seksaNya.

Ketika mentafsirkan ayat ini, beberapa buah kitab tafsir telah menyebut bahawa guruh adalah nama malaikat yang menggerakkan awan. Bunyi yang kedengaran adalah bunyi bagi malaikat tersebut menakutkan awan atau bunyi malaikat tersebut bertasbih. Kilat pula adalah cemeti yang digunakan oleh malaikat tersebut untuk menakutkan awan.¹⁶ Terdapat riwayat yang direkodkan dalam sunan al-Tirmidzi yang mengisyaratkan hal ini:

¹⁶ Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah (2010), *al-Israiliyyat wa al-Maudhu'at fi Kutub al-Tafsir*, Kaherah, Mesir: Maktabah al-Sunnah, hlm. 295.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ أَقْبَلْتُ يَهُودُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا أَبَا الْقَاسِمِ أَخْبِرْنَا عَنِ الرَّعْدِ مَا هُوَ قَالَ " مَلَكٌ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُوَكَّلٌ بِالسَّحَابِ مَعَهُ مَخَارِيقُ مِنْ نَارٍ يَسُوقُ بِهَا السَّحَابَ حَيْثُ شَاءَ اللَّهُ " . فَقَالُوا فَمَا هَذَا الصَّوْتُ الَّذِي نَسْمَعُ قَالَ " رَجْرُهُ بِالسَّحَابِ إِذَا رَجَرَهُ حَتَّى يَنْتَهِيَ إِلَى حَيْثُ أَمَرَ " . قَالُوا صَدَقْتَ .

Maksud:

“Daripada Ibnu ‘Abbas, beliau berkata; Orang Yahudi telah bertanya kepada Nabi Muhammad SAW: “Beritahu kami apakah ‘guruh’?”. Baginda menjawab: “Ia adalah malaikat daripada kalangan para malaikat Allah SWT yang ditugaskan untuk menjaga awan. Bersamanya cemeti daripada api yang digunakan bagi menghalau awan, dia menghalau ke mana sahaja yang diperintahkan oleh Allah SWT”. Yahudi itu bertanya lagi: “Apakah bunyi yang kami dengar itu?” Baginda menjawab: “Ia adalah suaranya.” Mereka berkata: “Engkau benar.”

Terdapat perbincangan mengenai riwayat ini khususnya berkaitan sanad hadis, kerana terdapat dalam sanad perawi bernama Bukhair bin Syihab yang dikatakan bersendirian dalam meriwayatkan hadis ini daripada Sa’id bin Jubair.

Dr Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah menyatakan bahawa riwayat ini merupakan Israiliyyat yang dinisbahkan kepada Nabi SAW. Beliau mempersoalkan riwayat ini dengan membawa ayat daripada surah al-Ra’d ayat 12 dan 13:

﴿هُوَ الَّذِي يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنْشِئُ السَّحَابَ
الْثِّقَالَ ۚ وَيُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ ۚ وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِ ۚ
وَيُرْسِلُ الصَّوَءِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَنْ يَشَاءُ وَهُمْ يُجَادِلُونَ فِي اللَّهِ
وَهُوَ شَدِيدُ الْمِحَالِ ۝۱۳﴾

Surah al-Ra'd, 13:12-13

Maksudnya:

“Dialah yang memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir) dan memberi harapan (dengan turunnya hujan) dan Dia yang menjadikan awan tebal yang berat (dengan air). (12) Dan Dialah juga yang guruh dan malaikat bertasbih memujiNya, kerana takut kepadaNya. Dan Dialah juga yang menghantarkan petir, lalu Dia mengenakan dengan panahannya kepada sesiapa yang dikehendakinya Dan mereka yang ingkar itu membantah (serta mendustakan Rasul) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah (dan kuat kuasaNya), padahal Dia amat keras azab seksaNya. (13)”

Ayat in menjelaskan kekuasaan serta keagungan Allah SWT dalam menciptakan bukti-bukti alam ini mengikut peraturan dan sebab biasa yang telah dijadikan Allah SWT bagi alam ini.¹⁷

Dari sudut kajian saintifik moden pula menunjukkan bahawa elektron yang wujud di udara digunakan oleh awan bagi membentuk elektron yang terdapat dalam elektrik pada tingkatan udara teratas. Cas elektron positif dengan cas elektron negatif ini

¹⁷ Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah (2010), *al-Israiliyyat wa al-Maudhu'at fi Kutub al-Tafsir*, hlm. 296.

terpisah sebelum wap-wap air menebal di atasnya. Kedua-dua cas ini saling menarik antara satu sama lain, dan saling menolak jika sesama sendiri. Penolakan elektron ini menghasilkan percikan elektrik. Penolakan ini boleh berlaku apabila awan yang mengandungi cas positif dibawa oleh angin menghampiri awan yang mengandungi cas negatif. Apabila kedua-dua awan ini menghampiri antara satu sama lain, kedua-duanya saling tarik menarik sehingga penggabungan cas elektriknya terhasil. Ketika inilah terhasilnya percikan elektrik yang kita kenali sebagai kilat.

Guruh pula terhasil apabila kepanasan lahir daripada kilat menggerakkan udara dengan kuat serta mewujudkan ruang udara yang nipis. Apabila kepanasan hilang dan kawasan tersebut menjadi sejuk maka semakin kurang tekanan daripadanya. Tekanan di kawasan itu menjadi lebih lemah berbanding dengan tekanan udara di awan sekelilingnya. Maka udara di sekeliling kawasan yang telah sejuk itu akan menuju ke arahnya dengan berlakunya perpisahan yang kuat antara dua tekanan yang berlaku secara terus-menerus. Seterusnya terhasillah bunyi yang kuat yang dikenali sebagai guruh. Kajian saintifik ini kelihatan tidak selari dengan riwayat daripada Ibnu ‘Abbas tersebut lalu menimbulkan kesangsian bahawa riwayat tersebut adalah daripada Rasulullah SAW.

3.2 Malaikat Harut dan Marut

Malaikat Harut dan Marut merupakan malaikat yang disebutkan dalam surah al-Baqarah ayat 102:

﴿وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيْطَانُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمٍ ۖ وَمَا كَفَرَ
سُلَيْمٌ وَلَكِنَّ الشَّيْطَانِ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ
وَمَا أُنْزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هُوتَ وَمُرُوتَ ۚ وَمَا

يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ
فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ وَمَا
هُم بِضَآئِرِينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا
يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي
الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ ۚ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ لَوْ
كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾

Surah al-Baqarah. 2:102

Maksudnya:

“Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya) kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat, iaitu Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata, “Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya).” Dalam pada itu ada juga orang mempelajari dari mereka berdua, iaitu ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah.

Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) sudah mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat. Demi sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui.”

Berdasarkan sumber Israiliyyat, Malaikat Harut dan Marut ialah malaikat yang diberikan hawa nafsu pada diri mereka, setelah kedua malaikat ini dengan yakin mengatakan bahawa seandainya diri mereka diberikan hawa nafsu, sudah pasti mereka mampu mengawalinya.¹⁸ Kemudian kedua malaikat ini diturunkan ke Kota Babil dan melaksanakan ibadah kepada Allah SWT. Tidak lama selepas itu, mereka pun terlihat dan terpikat dengan seorang wanita. Wanita itu meletakkan syarat seandainya mereka hendak bersaman dengannya, mereka hendaklah melakukan tiga perkara ini; menyembah berhala, membunuh budak kecil, dan meminum arak. Mereka beranggapan bahawa meminum arak merupakan dosa yang lebih kecil jika dibandingkan dua yang lain, lalu mereka pun meminum arak. Akhirnya dalam keadaan mabuk, mereka pun telah melakukan kedua dosa berikutnya iaitu membunuh budak kecil dan menyembah berhala. Setelah itu, keduanya dihukum gantung di ruang langit Kota Babil dan mereka pun mengajarkan sihir kepada masyarakat ketika itu.

Kisah ini merupakan kisah yang batil kerana mencemarkan sifat mulia para malaikat yang tidak sesekali melakukan maksiat kepada Allah SWT, hal ini berlandaskan firmanNya:

¹⁸ Bahagia Tanjung, *Harut Dan Marut Dalam Al-Quran (Studi Komparatif antara Imam al-Thabari dengan Wahbah al-Zuhaili)*, hlm. 43.

﴿لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ﴾

Surah al-Tahrim, 66:6

Maksudnya:

“Mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

Pada ayat ini jelas memaparkan bahawa malaikat merupakan makhluk yang segera melaksanakan perintah Allah tanpa terlambat sedikit pun, dan mereka memiliki kemampuan untuk melaksanakan segala tugas dibebankan kepada mereka tanpa mempunyai kelemahan.

Manakala tafsiran yang tepat bagi ayat 102 surah al-Baqarah, khususnya mengenai Malaikat Harut dan Marut adalah dua malaikat yang diutuskan oleh Allah SWT sebagai ujian kepada manusia ketika itu. Kedua malaikat ini mengajar sihir, dengan tujuan agar manusia mampu mengenal pasti antara sihir dan mukjizat. Hal ini penting kerana ketika itu Kota Babil sangat terkenal dengan sihir, sehingga penduduknya sukar membezakan antara mukjizat dan sihir. Mereka menyangka para nabi yang diutus adalah ahli sihir, bukanlah nabi. Oleh itu, Allah menurunkan Malaikat Harut dan Marut bagi mengajarkan manusia mengenai perbezaan kedua itu.¹⁹ Setelah mengajarkan sihir, kedua malaikat ini akan mengingatkan manusia agar tidak sesekali menyalahgunakan sihir tersebut bagi tujuan jahat.

¹⁹ Ibid, hlm. 60.

4.0 KESAN BERPEGANG DENGAN KEPERCAYAAN KHURAFAT TERHADAP AKIDAH

Apabila seorang muslim percaya dan menyakini kepada perkara yang khurafat, maka kesannya amatlah buruk terhadap pegangan akidahnya. Antaranya ialah:

4.1 Menjadikan Seseorang Itu Jauh Daripada Allah SWT

Firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran ayat 85:

﴿وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي
الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ٨٥﴾

Surah Ali Imran, 3:85

Maksudnya:

“Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.”

Demikian juga sabda baginda SAW:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَخَذَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا
لَيْسَ فِيهِ فَهُوَ رَدٌّ.²⁰

Maksudnya:

*“Daripada ‘Aisyah RA telah berkata,
Rasulullah SAW telah bersabda:“*

²⁰ Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Salh, Bab Iza Ishthalahu ‘ala Sulhi Jaurin fa Sulhu Marduudun, no. hadis 2697.

Sesiapa yang mereka-reka terhadap urusan (agama) kami yang tiada asas baginya, maka ia tertolak.”

Dua dalil di atas menfokuskan bahawa sesiapa yang mengikuti amalan yang tidak ada asasnya dalam ajaran Islam, atau berpegang kepada kepercayaan yang tidak sah boleh menjadikan seseorang itu jauh daripada rahmat Allah SWT. Mempercayai riwayat Israiliyyat yang diselaputi dengan unsur khurafat terutamanya yang berkait dengan akidah, hanya menyebabkan seseorang itu menggantikan sumber rujukan yang sah daripada wahyu Ilahi, kepada mempercayai perkara yang bercanggah dengan tauhid, dan lebih parah terjerumus dalam perkara syirik.

4.2 Mencetuskan Salah Faham Terhadap Islam

Hal ini dapat dilihat dalam contoh Israiliyyat khurafat mengenai kejadian matahari dan bulan yang mana tugas malaikat Jibril adalah mengibas sayapnya pada matahari sehingga hilang sinarnya dan menjadi bulan. Sedangkan tugas malaikat Jibril yang sebenarnya adalah jauh lebih agung iaitu menyampaikan wahyu kepada para nabi dan rasul:

قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ
اللَّهِ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ٩٧

Surah al-Baqarah, 2:97

Maksudnya:

“Katakanlah: Barang siapa yang menjadi musuh Jibril, maka Jibril itu telah menurunkannya (al-Quran) ke dalam hatimu dengan seizin Allah; membenarkan apa (kitab-kitab) yang sebelumnya dan

menjadi petunjuk serta berita gembira bagi orang-orang yang beriman.”

رَفِيعُ الدَّرَجَاتِ ذُو الْعَرْشِ يُلْقِي الرُّوحَ مِنْ أَمْرِهِ عَلَى
مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ لِيُنْذِرَ يَوْمَ التَّلَاقِ ١٥
Surah Ghafir, 40:15

Maksudnya:

“Dialah Yang Maha tinggi darjat kebesaranNya, yang mempunyai Arasy (yang melambangkan keagungan dan kekuasaanNya); Dia memberikan wahyu dari hal perintahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya (yang telah dipilih menjadi RasulNya), supaya Dia memberi amaran (kepada manusia) tentang Hari Pertemuan.”

﴿٢٣ الْمُبِينِ الْأَفْقِ رِءَاةُ وَقَدْ﴾

Surah al-Takwir, 81:23

Maksudnya:

“Dan (Nabi Muhammad yakin bahawa yang disampaikan kepadanya ialah wahyu dari Tuhan, kerana) demi sesungguhnya! Nabi Muhammad telah mengenal dan melihat Jibril di kaki langit yang nyata.”

4.3 Melemahkan Iman

Bagi seorang muslim, mempercayai khurafat mampu melemahkan imannya kerana hal ini boleh membawa kepada perbuatan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip akidah yang sahih dalam Islam. Salah satu aspek utama dalam Islam adalah mempercayai

bahawa segala urusan di dunia ini adalah di bawah kekuasaan Allah SWT, dan tiada kekuatan atau kuasa selain dariNya. Mempercayai khurafat boleh menyebabkan tergelincirnya keyakinan seseorang terhadap ketentuan Allah SWT, dan menggantikannya dengan keyakinan terhadap amalan-amalan, atau entiti yang dianggap dapat memberi manfaat atau menolak mudarat tanpa sandaran wahyu. Firman Allah SWT:

﴿لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا
نَوْمٌ ۚ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ مَنْ ذَا الَّذِي
يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۗ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ ۗ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ
الْعَظِيمُ ۝٢٥٥﴾

Surah al-Baqarah, 2:255

Maksudnya:

“Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah

*kehendaki (memberitahu kepadanya).
Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan
kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi;
dan tiadalah menjadi keberatan kepada
Allah menjaga serta memelihara keduanya.
Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat
kemuliaanNya), lagi Maha Besar
(kekuasaanNya).*

5.0 KESIMPULAN

Antara nikmat besar yang dikurniakan oleh Allah SWT adalah kejadian manusia dengan penuh sempurna dan sebaik-baik makhluk di dunia. Anugerah tersebut hendaklah dipelihara dengan sebaiknya daripada terjerumus ke arah nafsu syahwat dan syaitan. Justeru itu, Islam telah mendidik diri manusia agar tetap teguh pada landasan tauhid kepada Allah SWT, tidak bergantung pada selainNya serta menahan diri dari terkandas dalam kancah perbuatan maksiat. Pelbagai nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT pada seluruh manusia di dunia ini, sama ada berbentuk nikmat yang sementara mahupun yang berkekalan. Namun demikian, ketika manusia dikuasai oleh hawa nafsu dan tidak mampu mengawal dirinya daripada membuat maksiat akibat godaan syaitan, maka akan timbullah sifat lupa, lalai, dan takbur terhadap nikmat yang telah dianugerahkan serta cuba mencari jalan yang bertentangan dengan agama Islam.

Hal ini jelas menunjukkan pentingnya umat Islam untuk memastikan sumber kesahihan sesuatu khabar, terutamanya berkaitan agama yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW. Menisbahkan baginda dengan riwayat Israiliyyat dan pemalsuan atas nama baginda merupakan jenayah yang berat dan diberi amaran azab di akhirat kelak seperti sabda baginda:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدٌ فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.²¹

Maksudnya:

“Sesiapa yang berdusta di atas namaku dengan sengaja, maka siaplah tempatnya di neraka.”

Tidak kurang juga perlu berwaspada terhadap hal yang berkait dengan khurafat kerana khurafat adalah sebahagian daripada tipu daya syaitan. Syaitan akan sedaya upaya memandu manusia ke arah keburukan untuk bersama dengan mereka di neraka kelak.

²¹ Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Janaiz, Bab ma yukrahu min al-niyaahati ‘ala al-maiyit, no. hadith 1291.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

al-Dhahabi, D. M. (1996). *Kisah Israiliyyat Dalam Tafsir Dan Hadith*. Johor Bahru: Jahabersa.

al-Suyuti, . b. (1996). *al-Laali' al-Masyru'at fi al-Ahadith al-Maudhu'at*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Baharom, H. N. (2002). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Dahlan, A. A. (1999). *Ensiklopedia Hukum Islam*. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Houeve.

Ishak Hj. Sulaiman (1998), *Israi'liyyat dalam Pengajian Tafsir dan Sunnah*, Jurnal Usuluddin, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Mohd Anuar Ramli, S. A. (2014). Kepercayaan Kenan Dalam Masyarakat Melayu: Kajian Dari Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Manusia Dan Masyarakat*, 35.

Muhammad bin Isma'il (2002), *Sahih al-Bukhari*, Riyadh: Dar Turuq al-Najah.

Muslim bin al-Hajjaj al-Naisaburi (1954), *Sahih Muslim*, Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-'Arabi.

Prof. Dr Wahbah al-Zuhaili (2013), Abdul Hayyie al-Kattani (terj.), *Tafsir al-Munir*, Jakarta:Gema Insani

Sha'ari, C. Z. (Februari 2002). Khurafat Antara Adat Dan Agama. In *Majalah al-Islam* (p. 20). Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.

Syabbah, M. b. (2010). *al-Israiliyyat wa al-Maudhu'at fi Kutub al-Tafsir*. Kaherah, Mesir: Maktabah al-Sunnah.